

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester II
Sidang Akademik 1997/98**

Februari 1998

**PLG 479 - Kaedah Mengajar Perdagangan Dan
Perakaunan II**

(Masa : 3 Jam)

Jawab **TIGA** soalan sahaja. Soalan **No. 1** adalah wajib.

1. a) Huraikan sukanan pelajaran Perakaunan 948 peringkat STPM berpandukan penjelasan Majlis Peperiksaan Malaysia 1994.

(10 markah)

b) Berpandukan "Laporan STPM 1996", bincangkan prestasi calon yang telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran Perakaunan pada tahun 1996. Bincangkan kelemahan-kelemahan umum calon bagi kertas 1 dan kertas 2. Kemukakan pelbagai cadangan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti itu.

(30 markah)
2. Bincangkan tentang ciri-ciri guru perdagangan yang berkesan berdasarkan pernyataan Golan, S (1980) dalam "Journal Of Business Education 56 (2)". Perbincangan anda seharusnya memberi cadangan yang praktikal untuk melahirkan guru-guru perdagangan yang berupaya melaksanakan tugasnya dengan berkesan bersesuaian dengan artikel di atas.

(30 markah)
3. Pelbagai faktor memberi sumbangan kepada keberkesanan pembelajaran. Bincangkan bagaimana keterampilan berkommunikasi pelajar memberi sumbangan kepada keberkesanan pembelajaran pelajar-pelajar perdagangan dan perakaunan.

(30 markah)

...2/-

4. Sila fahami akaun perkilangan di bawah ini dan jawab soalan-soalan berikut :

Domestic CO.
Akaun Perkilangan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 1995

	RM	RM	RM
Bahan Mentah			
Stok awal bahan mentah 1 Julai 1994		4,500.00	
(+) belian	18,600.00		
bayaran tambang	<u>1,200.00</u>	19,800.00	
		24,300.00	
(-) stok akhir bahan mentah 30 Jun 1995		<u>(3,600.00)</u>	
bahan mentah digunakan		20,700.00	
 Buruh Langsung			
Upah langsung		4,800.00	
		<u>25,500.00</u>	
 Kos Prima			
Overhead Kilang			
Upah tak langsung	1,500.00		
Susutnilai loji dan mesin	800.00		
Cahaya dan haba kilang	400.00		
Overhead kilang lain	<u>300.00</u>	3,000.00	
		<u>28,500.00</u>	<u>28,500.00</u>

- a) Huraikan konsep-konsep utama yang perlu difahami oleh pelajar-pelajar STPM untuk membolehkan mereka menyediakan akaun perkilangan di atas.
(10 markah)
- b) Bincangkan aktiviti guru dan pelajar yang sesuai untuk menganalisa situasi akaun perkilangan di atas bersesuaian dengan situasi ekonomi Malaysia kini,
(20 markah)